

14 JAN 2001

Maluku-Republik (Laporan Khas)
REPUBLIK MALUKU SELATAN SELEPAS TIMOR TIMUR?

Oleh: Mohd Haikal Isa

AMBON, MALUKU (Indonesia), 14 Jan (Bernama) -- Konflik agama di kepulauan Maluku sejak dua tahun lepas telah mengorbankan ribuan nyawa dengan tiada sebarang tanda menunjukkan ia menuju ke arah jalan penyelesaian.

Kedua-dua pihak yang bertentangan, Islam dan Kristian, saling melemparkan tuduhan antara satu sama lain tentang siapa yang bertanggungjawab memulakan pertempuran itu, yang kerap berakhir dengan kematian.

Pihak Islam yang ditemui di sini mendakwa konflik agama di Maluku, yang dicituskan oleh beberapa pihak itu, hanya merupakan muslihat bagi melindungi agenda utama yang mahu dicapai.

Mereka melihat apa yang berlaku di kepulauan Maluku menyerupai tindakan yang dilakukan di bekas wilayah Indonesia, Timor Timur, sebelum ia mendapat kemerdekaan menerusi pungutan suara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 1999.

Wakil ketua Majlis Ugama Islam (MUI)-Maluku Haji Abdurrahman Khaw mendakwa beberapa pihak di sini berusaha memberikan gambaran yang salah di mata dunia tentang keadaan di pulau itu termasuk menuduh orang Kristian dipaksa bertukar agama.

"Mereka sedang cuba untuk menimbulkan pendapat dunia bahawa mereka dipaksa beralih agama, bagi memaksa campur tangan PBB atau paling kurang dari negara tetangga (jiran) yang bukan Islam," katanya.

Abdurrahman menafikan sekeras-kerasnya tuduhan bahawa penduduk Islam di sini memaksa penduduk Kristian untuk memeluk Islam dan menyifatkan tuduhan itu sebagai "amat pelik dan tidak masuk akal."

Beliau berkata demikian baru-baru ini selepas majlis penerimaan bantuan kemanusiaan sumbangan Pergerakan Pemuda Umno, Yayasan Budiman dan Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara).

Delegasi kemanusiaan itu diketuai oleh Pengerusi Biro Hal Ehwal Antarabangsa Pemuda Umno Dr Shamsul Anwar Sulaiman dan disertai Presiden Ansara Mukriz Mahathir serta 20 anggota.

Abdurrahman berkata usaha mendapatkan campur tangan negara-negara asing di Maluku itu sememangnya amat dinantikan oleh pihak Islam kerana ia akan membantu objektif utama mereka iaitu membawa kepulauan itu keluar dari Republik Indonesia.

"Mereka berharap dengan campur tangan negara asing, akhirnya akan membolehkan mereka keluar dari Republik Indonesia dan seterusnya menubuhkan Republik Maluku Selatan," katanya.

Beliau mendakwa pada 18 Dis lepas, pemimpin-pemimpin Kristian telah bertindak menubuhkan Front Kedaulatan Maluku (FKM) di bawah pimpinan Dr Alex Manuputty yang bertujuan membawa keluar wilayah itu dari Indonesia.

"Front itu secara jelas mahukan Republik Maluku Selatan ditubuhkan," dakwanya dan menambah kata mesyuarat di Hotel Amboina itu turut dihadiri oleh empat orang pemimpin utama FKM yang lain.

Bagaimanapun, Manuputty di dalam temuramahnya dengan akhbar tempatan Harian Umum Siwalima dan dipetik oleh laman Internet "Ambon Berdarah On-line" menafikan bahawa FKM adalah gerakan pemisah.

"FKM tidak sama dengan Republik Maluku Selatan," katanya.

FKM hanya bertujuan untuk mengembalikan martabat rakyat Maluku yang selama dua tahun terakhir ini hilang akibat konflik dengan pihak pemerintah tidak berupaya untuk menyelesaikannya, katanya.

Manuputty berkata FKM tidak membezakan penduduk Maluku dari segi agama dan menganggap kesemua mereka adalah sama iaitu "masyarakat Maluku yang sama-sama menderita akibat pertikaian ini."

Di dalam temuramah itu, pemimpin FKM itu juga menyeru semua pihak yang bertelagah supaya menghentikan konflik dua tahun mereka dan segera kembali ke jalan perdamaian.

"Sudah tiba saatnya kita hidup damai, sebab selama ini kita bagaikan ayam yang selalu diadu," kata beliau.

Ketua Umum MUI-Maluku R.R Hassanusi pula berkata pihak Islam sejak dua tahun yang lepas berusaha untuk mengadakan dialog dengan pihak Kristian bagi menyelesaikan konflik secara aman tetapi tidak berhasil.

Konflik agama dua tahun di kepulauan Maluku itu meninggalkan kesan yang amat mendalam terutamanya di dalam hubungan penduduk yang berlainan agama, katanya.

Beliau berkata kehidupan penduduk Islam dan Kristian, yang dahulunya aman, kini berubah dengan masing-masing hidup dan menjalankan kegiatan harian mereka tanpa sebarang interaksi.

Menurut statistik rasmi pentadbiran sivil kepulauan itu, penduduk Maluku yang beragama Islam adalah 59.01 peratus manakala Kristian Protestan (35.29 peratus) dan Kristian Katolik (5.19 peratus).

Taburan penduduk di pulau Ambon yang berjumlah 311,974 orang itu pula menunjukkan penduduk Kristian adalah majoriti dengan yang beraliran Protestan adalah 51.92 peratus dan Katolik (5.55) berbanding Islam (42.38).

Sementara itu, Naib Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri ketika bertemu dengan rakyat negara itu yang bekerja di Malaysia menyuarakan rasa yakinnya bahawa usaha perdamaian di wilayah-wilayah yang bergolak di Indonesia termasuk Maluku sedang menuju kejayaan.

"Penyelesaian masalah di wilayah-wilayah itu sedang menuju kejayaan," katanya.

Perjumpaan dengan rakyat Indonesia itu merupakan sebahagian daripada atur cara lawatan rasmi tiga hari Megawati ke Malaysia baru-baru ini.

Ia merupakan lawatan rasminya yang pertama ke negara ini sejak menyandang jawatan itu pada Oktober 1999.

-- BERNAMA
MHI AHH NAK